

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1 Klt.32 (98)
Tarikh : 27 Januari 2015

**Ketua Pengarang
The Star**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR THE STAR DI RUANGAN VIEWS BERTARIKH 22
JANUARI 2014, KHAMIS– M.S: 49**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh En Wong Li Chun berkenaan sistem tergendala dan pejabat ditutup di JPN Cawangan Georgetown, Pulau Pinang.

3. Adalah dimaklumkan, Jabatan Pendaftaran Negara mengalami gangguan sistem di seluruh Malaysia pada 13 Januari 2015. Manakala isu pejabat JPN Cawangan Georgetown ditutup pada 15 Januari 2015 bermula 7.45 pagi sehingga 8.43 pagi adalah kerana semua anggota JPN perlu menghadiri Perhimpunan Bulanan dan makluman melalui notis telah ditampal di ruang legar bangunan dan pintu pejabat.

5. Jabatan ini mohon maaf di atas kesulitan yang dihadapi beliau semasa berurusan di JPN Cawangan Georgetown, Pulau Pinang. JPN akan memastikan kejadian seumpama ini tidak akan berulang di masa hadapan dan akan sentiasa memastikan perkhidmatan terbaik diberikan kepada pelanggan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)